



# KEPENGURUSAN

*Siri Asas Kepercayaan Kristian*

# **Kepengurusan**

## **Siri Asas Kepercayaan Kristian**

Siri ini mempunyai 18 tajuk yang membincangkan beberapa asas kepercayaan (doktrin) Kristian. Jaroslav Pelikan, seorang ahli sejarah gereja mendefinisikan doktrin Kristian seperti berikut: “Doktrin Kristian adalah apa yang dipercayai dan diajarkan oleh gereja.” Jadi, apa yang kita akan perhatikan adalah kepercayaan-kepercayaan asas tentang kebenaran di dalam ajaran Kristian.

Buku kecil ini disusun sedemikian rupa untuk kegunaan peribadi atau dalam kelompok kecil. Jangan hairan kalau ramai orang Kristian, terutama generasi muda, yang tidak memahami beberapa asas kepercayaan Kristian, sehingga iman mereka mudah diganggu-gugat dan dipesongkan oleh pihak-pihak tertentu.

Semoga buku-buku dalam siri ini akan membantu anda, anak anda serta jemaat gereja anda untuk bertumbuh dalam pemahaman tentang asas-asas kepercayaan Kristian.


Cetakan Pertama: Mei 2015

Dicetak di Malaysia

Petikan Alkitab diambil dari Alkitab Bahasa Malaysia (Berita Baik) dan Alkitab Terjemahan Baru Indonesia.

Hak Cipta © 2015 Wawasan Penabur Sdn Bhd

# Kepengurusan




<sup>1</sup> TUHAN berfirman kepada Musa di gunung Sinai:  
<sup>2</sup> “Berbicaralah kepada orang Israel dan katakan kepada mereka: Apabila kamu telah masuk ke negeri yang akan Kuberikan kepadamu, maka tanah itu harus mendapat perhentian sebagai sabbat bagi TUHAN. <sup>3</sup> Enam tahun lamanya engkau harus menaburi ladangmu, dan enam tahun lamanya engkau harus merantingi kebun anggurmumu dan mengumpulkan hasil tanah itu, <sup>4</sup> tetapi pada tahun yang ketujuh haruslah ada bagi tanah itu suatu sabbat, masa perhentian penuh, suatu sabbat bagi TUHAN. Ladangmu janganlah kautaburi dan kebun anggurmumu janganlah kaurantingi. <sup>5</sup> Dan apa yang tumbuh sendiri dari penuaianmu itu, janganlah kau tuai dan buah anggur dari pokok anggurmumu yang tidak dirantingi, janganlah kaupetik. Tahun itu harus menjadi tahun perhentian penuh bagi tanah itu.  
*(Imamat 25:1-5)*

Kepengurusan (Penatalayanan dalam Bahasa Indonesia) berkaitan rapat dengan pemberitaan Injil dan respon kepada Injil itu. Di sinilah ianya bermula — dalam Kitab Suci. Untuk menemukan apa yang Alkitab katakan tentang kepengurusan, kita mulai dengan ayat pertama: “Pada mulanya Allah menciptakan langit dan

bumi” (Kejadian 1:1). Sebagai Sang Pencipta, Allah memiliki hak mutlak kepemilikan atas segala sesuatu. Doktrin kepengurusan tidak akan masuk akal jika kita tidak mengakui fakta bahawa Allah adalah Sang Pencipta dan memiliki hak kepemilikan yang penuh. Asas tanggapan Kristian tentang pengurusan bumi dan segala sumbernya datang dari Allah. Ia bukan bertujuan untuk menjadikan dunia ini kelihatan lebih pintar semata-mata, tetapi untuk memperbetulkan dan memelihara apa yang Allah telah titipkan untuk kita. Sebab itulah pengurusan juga mempunyai aplikasi yang sangat peribadi seperti bagaimana kita menggunakan sumber yang ada dalam kehidupan kita.

Doktrin kepengurusan yang Alkitabiah mendefinisikan hubungan manusia dengan Allah. Ini mengidentifikasi Allah sebagai pemilik dan manusia sebagai pengurus/pengelola. Tuhan membuat manusia sebagai rakan kerjanya dalam mengelola semua aspek kehidupan kita. Rasul Paulus menjelaskan hal itu dengan mengatakan, “Kami orang yang bekerja bersama-sama untuk Allah, dan kamu bagaikan ladang Allah. Kamu juga bagaikan bangunan Allah.” (1 Korintus 3: 9). Dimulai dengan konsep ini, kita akan dapat melihat dengan tepat dan menghargai dengan benar bukan sahaja semua harta-milik kita, tetapi yang lebih penting, kehidupan manusia itu sendiri.



## A. Apa itu Kepengurusan?

Istilah “kepengurusan” atau “penatalayanan” berarti pekerjaan mengelola harta dan urusan. Ia ialah segala kebijakan dan tindakan orang percaya dalam mengurus dan mengelola bakat serta kurniaan dari Tuhan. Tuhan memanggil setiap orang Kristian untuk mengelola semua pemberian Tuhan (tenaga, waktu, fikiran, wang, harta benda dll.). Semua orang menerima kurnia yang berbeza-beza. Tidak ada orang yang “kosong”. Tuhan memberikan semua kurnia untuk mengelola pekerjaan-Nya di dunia ini. Pengelolaan itu harus sesuai dengan kehendak-Nya.



“Mengelola” berasal dari kata “kelola” yang berarti mengurus, mengatur, menyelenggarakan; orang dengan tugas itu disebut “pengelola”

## B. Siapa itu Pengurus?

Pengurus/Pengelola/Penatalayan (dalam Bahasa Yunani disebut sebagai *oikonomos*, di mana *oikos* berarti rumah dan *nomos* bermaksud pengaturan atau pengelolaan) merupakan individu yang diamanahkan dan ditugaskan untuk mengurus harta orang lain. Ada beberapa contoh dari Alkitab. Dalam Kejadian 24 dinyatakan bahwa Abraham mempunyai orang kepercayaan yang bernama Eliezer untuk mengelola semua harta dan urusan rumah tangganya. Dia mengelola harta dan urusan itu sesuai dengan kehendak Abraham, pemiliknya.

Kadang-kadang pengurus juga disebut sebagai “*ju*ru

kunci”, “pengurus rumah” (Kejadian 43:16,19; 44:4), “pengurus istana” (Yesaya 22:15), “mandur” (Matius 20:8), “bendahara” (Lukas 16:1), “bendahara negeri” (Roma 16:23). Paulus dan rakan-rakannya menyebut diri mereka sebagai hamba-hamba Kristus yang mendapat kepercayaan mengenai rancangan Allah (1 Korintus 4:1-2). Tugas itu harus dilaksanakan dengan jujur. Seorang pengurus yang tidak jujur akan dipecat/diganti (Yesaya 22:15-25).


Sebagai pengikut Kristus, kita adalah pengurus Allah. Siapakah pemilik sebenar kepada semua yang kita ada. Apakah yang dikatakan di dalam Kisah Rasul-Rasul 17:25?

“Dia juga tidak memerlukan pertolongan manusia, kerana Dialah yang memberikan hidup dan nafas serta segala sesuatu kepada manusia.” (Kis 17:25)

Sekiranya Allah ialah pemilik sebenar, ini bermaksud kita hanyalah pengurus-Nya. Kita mungkin memiliki harta benda tetapi pada hakikatnya semua benda adalah milik Allah. Menurut Roma 14:12, apakah tugas seorang pengurus?

“Oleh itu, kita masing-masing harus mempertanggungjawabkan segala perbuatan kita kepada Allah.  
(Rm 14:12)

Pengurus yang baik akan menguruskan harta Allah dengan baik dan penuh tanggungjawab. Pengurus akan selalu bertindak mengikut kepentingan pemilik dan pemilik bukanlah diri kita melainkan Tuhan sendiri.



### C. Bahagian-Bahagian Kepengurusan

Kita akan membincangkan 5 bahagian dan tanggung jawab kepengurusan orang percaya dalam buku ini. Harus diingati bahawa kita tetap merupakan pengurus kepada semua perkara yang lain. Oleh itu, prinsip asas untuk bertanggungjawab serta pengendalian yang tepat berdasarkan kepentingan pemilik asal harus dipegang.

#### 1. **Harta Benda**

Allah telah memberikan kita banyak harta kekayaan. Seperti kereta yang kita miliki, rumah yang kita diami,

buku yang kita ada, komputer dan lain-lain. Di dalam Lukas 16:1-13, Yesus menasihatkan kita untuk menggunakan harta benda kita untuk melayani orang lain dan untuk kemuliaan bagi Dia.

<sup>1</sup>Yesus berkata kepada pengikut-pengikut-Nya, "Ada seorang kaya mempunyai seorang pekerja yang mengurus hartanya. Orang kaya itu diberitahu bahawa pengurus itu memboroskan wang majikannya. <sup>2</sup>Lalu orang kaya itu memanggil pengurusnya dan berkata, 'Apakah yang aku dengar tentang dirimu? Serahkan kira-kiramu yang lengkap bagi semua hartaku, kerana mulai sekarang kamu berhenti menjadi pengurus.' <sup>3</sup>Pengurus itu berfikir, 'Apakah harus aku lakukan? Aku akan diberhentikan kerja. Aku tidak kuat mencangkul dan aku malu meminta sedekah. <sup>4</sup>Aku tahu akan apa yang harus aku lakukan, supaya apabila aku diberhentikan kerja, aku mempunyai banyak kawan yang mahu menyambut aku ke rumah mereka.' <sup>5</sup>Lalu dia memanggil semua orang yang berhutang kepada majikannya. Dia bertanya kepada orang yang pertama, 'Berapakah hutangmu kepada majikanku?' <sup>6</sup>Orang itu menjawab, 'Seratus buah tempayan minyak zaitun.' Pengurus itu berkata kepadanya, 'Inilah kira-kiramu; duduklah dan tulislah lima puluh.' <sup>7</sup>Kemudian dia berkata kepada orang yang kedua, 'Berapakah hutangmu?' Orang itu menjawab, 'Seribu pikul gandum.' Pengurus itu berkata kepadanya, 'Inilah kira-kiramu; tulislah lapan ratus.' <sup>8</sup>Majikan pengurus itu memuji kecerdikan pengurus yang tidak jujur ini, kerana orang dunia ini lebih bijak mengurus urusan mereka daripada orang yang hidup dalam terang." <sup>9</sup>Yesus berkata lagi, "Dengarlah! Gunakanlah kekayaan dunia ini untuk mendapat sahabat, supaya apabila kekayaan dunia ini lenyap, kamu akan disambut ke dalam tempat kediaman yang abadi. <sup>10</sup>Sesiapa yang setia dalam perkara kecil, akan setia juga dalam perkara besar. Tetapi sesiapa yang tidak jujur dalam perkara kecil, tidak akan jujur dalam perkara besar. <sup>11</sup>Jika kamu tidak menggunakan kekayaan dunia ini dengan setia, bagaimanakah kamu dapat menggunakan kekayaan sejati dengan baik? <sup>12</sup>Jika kamu tidak setia kepada milik orang lain, siapakah mahu memberi kamu apa yang menjadi milik kamu?" <sup>13</sup>Tidak ada seorang hamba dapat melayani dua orang tuan. Dia akan membenci yang seorang dan mengasihi yang lain, atau dia akan setia kepada yang seorang dan menghina yang lain. Demikianlah kamu tidak dapat bekerja untuk Allah dan untuk kekayaan juga."

(Luk 16:1-13)

Apakah yang dimaksudkan secara praktikal tentang menjadi pengurus yang baik untuk menjaga harta benda kita? Sebagai dasar perbincangan, tujuan utama Allah ialah agar berita baik tentang keselamatan dapat dikhabarkan kepada semua orang. Jadi, bagaimana harta benda kita boleh dibebaskan daripada kegunaan untuk kepentingan diri sendiri kepada kegunaan untuk kepentingan kerajaan Allah?

Sebagai contoh, pertimbangkan rumah kita. Adakah kita mempunyai bilik yang boleh digunakan oleh penginjil atau misionaris yang sedang bercuti panjang? Ataupun ia hanya dibiarkan penuh dengan perabot yang tidak digunakan lagi? Adakah ruang tamu rumah kita boleh dijadikan satu tempat pertemuan kelompok kecil ataupun bagi anak-anak jiran? Kita mungkin akan mendengar alasan seperti “tapi mereka akan mengotorkan permaidani kami atau merosakkan perabot. Hiasan kaca pasti akan rosak sekiranya mereka tidak berhati-hati.”

Ini lah maksudnya kita harus berkorban untuk Tuhan. Kita menanggung risiko agar Kerajaan Allah dapat dituai kerana kita telah menunjukkan kasih dengan cara yang nyata dan praktikal. Bagaimana pula dengan kereta keluarga? Bolehkah kita menggunakannya sebagai pengangkutan untuk jemaat ke gereja atau anak-anak jiran ke sekolah minggu? Seterusnya, bagaimana pula tentang buku-buku Kristian? Atau mesin senaman yang jarang kita gunakan?

Satu cadangan yang dapat diberikan ialah: tanyalah kepada si Pemilik! Allah pasti mempunyai idea tentang bagaimana Dia menginginkan harta benda-Nya digunakan. Sebagai pengurus, marilah kita menjalankan kehendak-Nya untuk menyenangkannya.

## 2. *Masa*

Masa ialah sesuatu yang amat berharga kerana ia terhad dan tidak akan berulang kembali. Apakah yang dinyatakan di dalam Efesus 5:16 tentang cara kita menggunakan masa yang ada?

“Setiap kali kamu berpeluang melakukan apa yang baik, gunakanlah peluang itu, kerana masa ini masa yang jahat.”  
(Ef 5:16)

Bagaimana kita boleh menggunakan masa dengan baik? Terdapat banyak pencuri masa di zaman moden ini. Jika Paulus sendiri telah mencatatkan kuasa-kuasa kegelapan yang ada sejak zamannya, bayangkan kejahatan yang ada pada hari ini!

Salah satu prinsip pengurusan masa yang penting ialah menghapuskan pembaziran masa. Terdapat banyak perkara dan usaha yang membuang masa,

seperti rancangan bersiri televisyen yang tidak berkesudahan. Ataupun masa yang diluangkan bermain dan melakukan hobi. Meskipun sukan dan rekreasi amat penting untuk menyihatkan tubuh dan minda kita, mungkinkah kita telah menjadi terlalu leka melakukannya? Ini adalah persoalan yang harus kita jawab dengan jujur di hadapan Allah.

Bagaimana pula dengan tidur? Jelas sekali tidur adalah penting untuk kesihatan dan kita perlu tidur yang mencukupi untuk menyegarkan badan. Akan tetapi, adakah waktu untuk kita tidur sudah keterlaluhan? Selalunya, minda kita memujuk agar kita menyambung tidur kerana tidak mempunyai perkara untuk dilakukan pada hari tersebut. Ini adalah perkara peribadi dan kita harus menyelesaikannya dengan Pencipta yang mengetahui jangka waktu tidur yang kita perlukan.

Kita tidak seharusnya berfikir kita menggunakan masa dengan baik ketika seharian berada di gereja mengikuti pembelajaran Alkitab. Ini kerana anda mungkin 'bersembunyi' daripada tanggungjawab dan tugas yang Allah inginkan dengan menyibukkan diri di dalam gereja.

Jangan merasa kita telah melakukan apa yang terbaik dengan masa kita apabila kita meluangkan masa berjam-jam selepas masa beribadah di gereja atau terlibat dalam pembelajaran alkitab dan sebagainya. Kita boleh bersembunyi dari tanggung-

jawab dan tugas yang Tuhan mahu kita lakukan dengan membenamkan diri di gereja. Sebagaimana Allah menginginkan masa yang diberikan-Nya kepada kita untuk mengembangkan Kerajaan-Nya,



kita juga perlu meluangkan masa bersama ahli keluarga. Kita juga perlu meluangkan masa secara peribadi dengan Allah, berdoa dan membina hubungan dengan-Nya melalui komunikasi. Kita mungkin memerlukan rehat seperti Elia yang sedang melarikan diri daripada kezaliman Yezebel (1 Raja-Raja 19:3-9).

Adakah kita bersedia untuk melakukan perkara-perkara yang Allah ingin kita lakukan? Kita harus membenarkan Dia mengatur dan melibatkan kita dalam rancangan-Nya, walaupun kadang-kadang itu akan merosakkan jadual kita. Ingatlah bahawa kita adalah pengurus-Nya.

### 3. *Wang*

Walaupun wang boleh dianggap sebagai satu harta milik, kita akan memberikan tumpuan khas kepadanya sebagai perkara yang tersendiri. Ini adalah kerana kita sangat merasakan bahawa wang yang kita ada ialah milik kita dan oleh itu, kita berhak untuk menyimpannya. Kita sering berkata “lagipun, saya bekerja keras untuk mendapatkan setiap sen!”

Alkitab mengajar tentang persepuluhan untuk Kerajaan Allah.

**a) Apakah itu Persepuluhan?**

Maksud harafiah Persepuluhan ialah 'sepuluh peratus'. Di dalam Perjanjian Lama, persepuluhan adalah milik Allah. Rujuk Imamat 27:30-34.

<sup>30</sup>Sepuluh peratus daripada segala hasil tanaman kamu, baik gandum mahupun buah-buahan menjadi milik TUHAN.

<sup>31</sup>Jika seseorang hendak menebus sebahagian daripada hasil itu, dia harus menebusnya menurut harga yang ditentukan di Khemah TUHAN, ditambah dengan dua puluh peratus. <sup>32</sup>Seekor daripada tiap-tiap sepuluh ekor binatang ternakan adalah milik TUHAN. Apabila binatang itu dihitung, tiap-tiap yang kesepuluh menjadi milik TUHAN.

<sup>33</sup>Pemilik ternakan itu tidak boleh mengatur binatang itu sedemikian rupa sehingga yang kurang baik sahaja yang terpilih. Apa sahaja yang sudah terpilih tidak boleh ditukar. Jika dia menukarnya, kedua-dua ekor binatang itu menjadi milik TUHAN, dan tidak boleh ditebus. <sup>34</sup>Itulah perintah-perintah yang diberikan TUHAN kepada Musa di atas Gunung Sinai untuk umat Israel.

*(Im 27:30-34)*

Orang-orang Israel dimestikan untuk memberi persepuluhan daripada semua hasil dan ternakan mereka kepada Allah. Pada hari ini, meskipun hukum Perjanjian Lama tidak lagi mengikat kita, pengorbanan kasih dan kurnia-Nya harus mendorong kita untuk memberikan dengan lebih banyak. Pertimbangkan teladan daripada Tuhan sendiri. Dia telah memberikan hidup-Nya untuk kita.

**b) Mengapa kita harus memberi?**

Baca Lukas 6:38. Siapa yang memerintahkan kita untuk memberi? Apa akan berlaku sebagai balasan?

“Apa yang kamu berikan kepada orang lain, Allah juga akan memberikannya kepada kamu. Allah akan mencurahi kamu pemberian yang berlimpah-limpah. Sukatan yang kamu gunakan untuk orang lain akan digunakan oleh Allah untuk kamu.” (Lk 6:38)

Kisah Rasul-Rasul 20:35 memberikan sebab lain untuk memberi. Apakah sebab tersebut?

“Dalam segala perkara aku sudah memberikan teladan kepada kamu bahawa dengan bekerja keras seperti ini, kita harus menolong orang yang lemah. Ingatlah akan kata-kata Tuhan Yesus, ‘Lebih berbahagia memberi daripada menerima.’” (Kis 20:35)

Baca Matius 23:23. Menurut Yesus, apakah 2 perkara yang kita tidak patut abaikan?

“Alangkah malangnya kamu guru Taurat dan orang Farisi! Kamu munafik! Kamu memberikan sepersepuluh daripada berbagai-bagai jenis rempah seperti selasih, adas manis, dan jintan kepada Allah. Tetapi kamu tidak mentaati ajaran Taurat yang betul-betul mustahak seperti keadilan, belas kasihan, dan kesetiaan. Semua perkara ini harus kamu lakukan, tanpa melalaikan ajaran yang lain.”

(Mat 23:23)

Apakah hukum tentang memberi yang boleh didapati di dalam 2 Korintus 9:6?

“Ingatlah! Orang yang menanam sedikit benih, akan mendapat tuaian yang sedikit. Tetapi orang yang menanam banyak benih, akan mendapat tuaian yang banyak juga.”

(2 Kor 9:6)

Baca 1 Timotius 6:17-19. Apakah pandangan Paulus terhadap sikap murah hati?

<sup>17</sup>Nasihatilah orang yang kaya dengan harta dunia, supaya jangan sombong dan jangan bergantung kepada barang-barang yang tidak tetap, seperti kekayaan. Berharaplah kepada Allah yang mengurniai kita segala sesuatu dengan berlimpah-limpah untuk dinikmati. <sup>18</sup>Nasihatilah mereka supaya berbuat baik, supaya rajin berbuat kebajikan, murah hati, dan suka memberi. <sup>19</sup>Dengan jalan ini mereka mengumpulkan harta yang akan menjadi asas yang kukuh untuk masa depan. Dengan demikian mereka akan mendapat hidup kekal iaitu hidup sejati. (1 Tim 6:17-19)

Baca 2 Korintus 8:7-9. Apakah contoh pemberian terbaik yang disebut di sini?

<sup>7</sup>Kamu unggul dalam semuanya: dalam kepercayaan kamu kepada Kristus, usaha kamu untuk mengkhabarkan Berita Baik, pengetahuan kamu tentang yang benar, usaha kamu untuk menolong, dan kasih kamu kepada kami. Oleh itu, kami juga ingin kamu unggul dalam usaha kamu yang baik ini.

<sup>8</sup>Apa yang aku katakan itu bukanlah suatu perintah.

Tetapi dengan menunjukkan betapa giatnya jemaah di Makedonia menolong orang lain, aku berharap kasih kamu yang sejati pun akan nyata. <sup>9</sup>Kamu tahu bahawa kita sangat dikasihi oleh Yesus Kristus Tuhan kita. Meskipun Dia kaya, Dia menjadikan diri-Nya miskin untuk kebaikan kamu, supaya dengan kemiskinan-Nya itu, kamu menjadi kaya.

(2 Kor 8:7-9)

Kita memberi kepada Tuhan kerana perintah-Nya. Dia sendiri telah memberikan contoh kepada kita dengan mengorbankan hidup-Nya. Dengan memberi, bukan sahaja kita diberkati, malah kita sedang mengumpul harta di syurga.

**c) Bagaimana kita harus memberi?**

2 Korintus 9:7 menyatakan 3 sikap yang patut disertai dengan pemberian kita. Apakah sikap-sikap tersebut?

“Masing-masing harus memberi sebanyak yang telah ditentukannya. Orang harus memberi dengan rela dan sukacita, kerana Allah mengasihi orang yang memberi dengan senang hati.” (1 Kor 9:7)

Gereja Makedonia dipuji oleh Paulus dalam hal memberi. Baca 2 Korintus 8:2-3 dan nyatakan cara mereka memberi.

<sup>2</sup>Mereka sudah diuji dengan kesusahan yang berat, tetapi mereka sentiasa bersukacita. Mereka sangat miskin, tetapi mereka sangat murah hati. <sup>3</sup>Aku dapat memberikan kesaksian bahawa mereka memberi menurut kemampuan mereka, bahkan lebih daripadanya.  
(2 Kor 8:2-3)

1 Korintus 16:2 memberikan satu cara yang sangat praktikal untuk menguruskan pemberian kita. Tuliskan dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Pada tiap-tiap hari Ahad, setiap orang daripada kamu haruslah menyimpan sedikit wang sesuai dengan pendapatannya. Simpanlah wang itu sehingga aku datang, supaya pada waktu itu tidak payah lagi mengumpulkannya.” (1 Kor 16:2)

Sikap kita semasa memberi adalah amat penting. Alkitab mengajar kita untuk memberi secara berkorban, rela, penuh sukacita, sistematik, murah hati dan berpadanan dengan pendapatan kita.



Tuhan yang empunya  
(owner) segalanya

*oijkonovmo*

Kita adalah pengelola  
(manager) milik-Nya

#### 4. **Kurnia Rohani**

Kurnia Rohani jemaat Allah yang pelbagai adalah hasil pemberian Allah melalui Roh Kudus yang bertujuan untuk membina umat Allah dan mengembangkan Kerajaan Allah. Kita harus mengetahui apakah kurnia rohani kita untuk melayani Allah dengan lebih baik. Kurnia Rohani boleh diibaratkan sebagai alat pemberian Allah sewaktu kita menjadi Kristian untuk menyediakan kita di dalam pelayanan tubuh Kristus, yakni komuniti umat Allah.

##### a) **Apakah jenis-jenis kurnia rohani?**

Terdapat 4 petikan di dalam Perjanjian Baru yang memberikan beberapa senarai kurnia rohani: Roma 12:6-8, 1 Korintus 12:4-11, Efesus 4:11-13 dan 1 Petrus 4:10-11. Senaraikan 4 anugerah yang dinyatakan di dalam kolum berasingan di bawah ini. Ruang pertama telah diisi sebagai contoh:

<b>Roma</b>	<b>1 Korintus</b>	<b>Efesus</b>	<b>1 Petrus</b>
Bernubuat			
Melayan/ Menolong			
Mengajar			
Mendorong			
Memberi			
Kepimpinan			
Berbelas kasihan			

<sup>6</sup>Oleh itu kita harus menggunakan kurnia-kurnia yang berlainan, menurut rahmat-Nya yang dianugerahkan oleh Allah kepada kita. Jika kita mempunyai kurnia untuk mengkhabarkan berita daripada Allah, kita harus melakukannya menurut kebolehan yang dikurniakan oleh Allah kepada kita. <sup>7</sup>Jika kita mempunyai kurnia untuk menolong orang lain, kita harus menolong mereka. Jika kita mempunyai kurnia untuk mengajar, kita harus mengajar. <sup>8</sup>Jika kita mempunyai kurnia untuk menggalakkan orang lain, kita harus melakukannya. Sesiapa yang mempunyai kurnia untuk berkongsi milik dengan orang lain, harus melakukannya dengan murah hati. Sesiapa yang mempunyai kurnia untuk menjadi pemimpin, harus memimpin dengan tekun. Sesiapa yang mempunyai kurnia untuk menunjukkan belas kasihan kepada orang lain, harus melakukannya dengan sukacita.

*(Rom 12:6-8)*

<sup>11</sup>Dialah yang “memberikan kurnia kepada manusia”. Beberapa orang dilantik-Nya menjadi rasul, yang lain menjadi nabi, yang lain lagi menjadi pembawa Berita Baik, dan yang lain pula menjadi guru dan pemelihara jemaah. <sup>12</sup>Hal itu dilakukan-Nya supaya umat Allah dapat melakukan pelayanan yang sepatutnya dilakukan oleh pengikut Kristus, sehingga tubuh Kristus dikuatkan. <sup>13</sup>Dengan demikian kita menjadi satu oleh iman yang sama dan pengertian yang sama tentang Anak Allah. Kita akan menjadi matang dan sempurna seperti Kristus.

*(Ef 6: 11-13)*

<sup>4</sup>Ada berbagai-bagai kurnia daripada Roh Allah, tetapi semuanya diberikan oleh Roh yang sama. <sup>5</sup>Begitu juga ada berbagai-bagai cara untuk mengabdikan diri kepada Tuhan, tetapi kita mengabdikan kepada Tuhan yang sama. <sup>6</sup>Ada berbagai-bagai cara untuk melakukan kerja bagi Tuhan, tetapi Allah yang sama memberikan kebolehan kepada setiap orang untuk melakukan kerja masing-masing. <sup>7</sup>Bagi kebaikan kita semua, Allah memberikan bukti bahawa Roh-Nya ada pada setiap orang. <sup>8</sup>Ada orang yang dapat menyampaikan perkhabaran yang penuh dengan kebijaksanaan. Ada orang lain yang dapat menyampaikan pengetahuan tentang Allah. Tetapi kebolehan-kebolehan itu diberikan oleh Roh yang sama. <sup>9</sup>Kepada yang lain, Roh yang sama mengurniakan kepercayaan yang luar biasa kepada Kristus, sedangkan kepada yang lain pula Roh Allah mengurniakan kuasa untuk menyembuhkan orang sakit. <sup>10</sup>Kepada yang lain, Roh Allah mengurniakan kuasa untuk melakukan mukjizat, dan kepada yang lain pula, Roh itu memberikan kurnia untuk menyampaikan perkhabaran daripada Allah. Kepada yang lain pula, Roh Allah mengurniakan kebolehan untuk membeza-bezakan kurnia yang daripada Roh Allah dan yang bukan daripada Roh Allah. Ada pula yang dapat bertutur dalam pelbagai bahasa yang ajaib, dan ada juga yang dapat menerangkan erti bahasa-bahasa itu. <sup>11</sup>Tetapi semuanya dilakukan oleh Roh yang sama juga. Dia memberi setiap orang kurnia yang berlainan menurut kehendak-Nya sendiri. (1 Kor 12:4-11)

<sup>10</sup>Setiap orang daripada kamu sudah menerima kurnia yang berlainan daripada Allah. Oleh itu sebagai pengurus yang baik bagi kurnia Allah, kamu mesti menggunakan kurnia-kurnia itu untuk kepentingan semua orang. <sup>11</sup>Sesiapa yang menyampaikan perkhabaran, harus menyampaikan perkhabaran daripada Allah. Sesiapa yang memberikan pertolongan kepada orang lain, harus melakukannya dengan kekuatan yang diberikan oleh Allah, supaya dalam segala hal Allah dimuliakan melalui Yesus Kristus. Kristuslah yang memiliki kemuliaan dan kekuasaan selama-lamanya. Amin. (1 Pet 4:10-11)

Bincangkan dengan pemimpin anda tentang bagaimana kurnia rohani ini dinyatakan di dalam komuniti sebuah gereja.

**b) Bagaimana saya boleh mengetahui kurnia rohani saya?**

**Bertanyalah kepada Allah.** Berdoalah agar Roh Kudus akan menunjukkan anda kurnia rohani yang telah Allah berikan. Ataupun mintalah kurnia rohani yang anda inginkan daripada-Nya. Setelah itu, cubalah menggunakannya dengan iman. Libatkan diri di dalam kehidupan komuniti gereja dan anda akan mula menyedari kurnia rohani tersebut. Harus diingati bahawa masa diperlukan untuk kita mempelajari dan mengembangkan kurnia rohani kita. Oleh itu, melangkahlah dengan iman dan ambil risiko!

**Bertanyalah kepada orang lain di dalam komuniti iman.** Kadangkala, orang lain akan menyedari apa yang kita lakukan sangat membangunkan jemaat. Ada sesetengah orang yang sememangnya pelayan yang baik. Golongan ini adalah mereka yang sering membersihkan serta memastikan gereja berada dalam keadaan yang bersih dan teratur. Mereka tidak menghebohkan perkara ini malah melakukannya dengan gembira dan secara diam-diam. Ada juga mereka yang sangat peramah. Anda merasa seperti berada di rumah sendiri setiap kali melawat mereka. Ada pula yang memang berbakat mengajar. Apabila

mereka mengajar sesuatu, ia terus masuk dan kekal di dalam hati anda.

**Tepuk dada tanya selera.** Apa yang ingin anda lakukan? Apakah perkara yang memuaskan anda? Kadangkala, Roh Kudus boleh menggunakan bakat semula jadi dan menukarkannya menjadi kurnia rohani. Akan tetapi, kita tidak seharusnya mencampur-adukkan bakat semula jadi ataupun kemahiran vokasional dengan kurnia rohani. Seorang guru sekolah mungkin tidak mampu mengajar Firman Allah, tetapi dia mungkin boleh menjadi seorang administrasi yang baik di dalam Kerajaan Allah. Ada kemungkinan juga dia boleh mengajar Firman Allah dengan baik kerana Roh Kudus akan menggunakan semua kemahirannya untuk menjadi satu kurnia rohani.

**c) Bagaimanakah saya menggunakan kurnia rohani saya?**

**Dengan iman.** Anda harus melangkah dengan iman dan berfikir apakah perkara yang sepatutnya anda lakukan. Kemudian, pengesahan daripada Allah pasti akan tiba secara perlahan-lahan.

**Dalam ketaatan.** Allah akan menunjukkan banyak perkara ketika kita taat pada-Nya. Dia tidak akan memberikan kita gambaran jelas dari awal. Dia memimpin kita langkah demi langkah.

**Dalam komuniti.** Harus diingati bahawa kurnia rohani digunakan untuk membangunkan Komuniti Yesus Kristus. Oleh itu, amalkannya di dalam komuniti ataupun dengan sokongan mereka. Kurnia rohani menguatkan dan menambahkan jumlah umat Allah apabila digunakan dengan sepatutnya.

**Dengan rendah diri.** Kita harus berhati-hati dengan keangkuhan. Bersyukurlah jika kita ditegur kerana ia akan mengajar kita untuk menggunakan kurnia rohani dengan betul. Belajarlah untuk menerima pembedaan. Ada masanya mereka yang tidak penting di mata anda akan mengajar perkara yang penting.

**Dalam keakuran.** Akurlah kepada pemimpin rohani di gereja anda. Dengar dan taatilah mereka di dalam Tuhan. Sekiranya terdapat perkara kecil yang bercanggah dengan anda, akurlah kepada mereka.

**Dalam kasih.** Semua kurnia rohani harus digunakan di dalam kasih seperti Kristus mengasihi gereja. Harus diingati bahawa kurnia rohani yang dahsyat tapi tidak mempunyai kasih adalah sia-sia. Paulus mengajar kebenaran ini di dalam 1 Korintus 13, sebuah fasal indah tentang kasih. Perhatikan bagaimana fasal ini diselitkan di antara dua fasal yang lain berkenaan dengan kurnia rohani.

## 5. *Diri Sendiri*

Akhir sekali, umat Kristian bukan sekadar pengelola kepada harta benda, tetapi juga kehidupan mereka kepada rancangan Allah untuk Ciptaan-Nya. Setiap orang percaya dipanggil supaya menjadi kawan sekerja Allah. Allah berkenan untuk bekerja di dalam kita dan melalui kita untuk membebaskan dunia ini dari dosa.

Menjadi kawan sekerja-Nya bererti melaksanakan tiga tugas: *bersekutu (koinonia)*, *bersaksi (marturia)* dan *melayani (diakonia)* secara seimbang dan selaras dengan memakai semua yang kita miliki. Roh Kudus memimpin setiap orang Kristian menjadi pengurus. Tugas mengurus hanya dapat dilaksanakan dengan baik apabila kita mendengar dan mentaati Roh Kudus. Tuhan akan menghukum siapa saja yang tidak taat mengurus pekerjaan-Nya atau menggunakan karunia itu untuk kepentingan sendiri.

Kita boleh memberi, melayani dan memberikan bantuan ketika diperlukan, akan tetapi, kita tetap dicabar untuk memberikan seluruh kehidupan kita kepada rancangan Allah. Meskipun semua umat Kristian dipanggil untuk menjadi 'Kristian sepenuh masa', tetapi ada juga yang dipanggil untuk menceburi pelayanan sepenuh masa. Mereka harus menggunakan semua masa, kurnia rohani dan sumber untuk pelayanan Allah di dunia. Adakah anda ialah orang tersebut? Apakah yang dikatakan oleh Allah kepada anda? Ingatlah bahawa anda bukanlah pemilik diri sendiri melainkan Tuhan.



3. Ada orang yang pernah berkata bahawa terdapat tiga jenis pertaubatan - pertaubatan hati, pertaubatan fikiran dan pertaubatan dompet. Apakah pendapat anda tentang pertaubatan yang terakhir itu?
  
  
  
  
  
  
  
  
  
  
4. Menurut anda, apakah kurnia rohani yang anda miliki? Mengapakah anda berkata demikian? Apakah pandangan orang lain? Bincangkan secara ikhlas di dalam kumpulan.

NOTA

---